

DR. MOHAMAD KHIR TOYO

MATANG DALAM USIA MUDA

Matlamat menjadikan Selangor negeri maju menjelang 2005 kini terpikul di bahu Menteri Besar berusia 38 tahun ini

KETIKA namanya diumumkan untuk mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh Datuk Seri Abu Hassan Omar sebagai Menteri Besar Selangor, ramai yang tidak yakin dengan kemampuannya. Tidak kurang yang melahirkan rasa tidak puas hati dan kecewa. Ketika dilantik, usia Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo baru mencecah 35 tahun – umur yang dianggap terlalu muda untuk memimpin sebuah negeri seperti Selangor sedangkan pada usia tersebut, anggapan sesetengah pihak ialah beliau hanya layak untuk memimpin golongan pemuda atau pergerakan belia. Tetapi pucuk pimpinan UMNO melihat sebaliknya. Pelantikan beliau dianggap satu penghormatan tertinggi bagi golongan belia dan di bahunya kini terpikul amanah, cabaran dan halangan yang harus ditempuh. Paling penting Dr. Mohamad Khir sendiri ingin membuktikan pelantikannya bukan satu kesilapan.

Seperti yang beliau pernah nyatakan, ketika dilantik beliau tidak berani untuk bertanya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengapa beliau dipilih. "Saya cuma diberitahu supaya menjaga amanah ini dengan baik, menjaga nama belia. Saya ambil tanggungjawab ini dan ingin membuktikan bahawa belia apabila diberi kesempatan dan latihan yang cukup, mampu untuk memimpin sama ada di peringkat jabatan, negeri atau yang lebih tinggi lagi," kata beliau dalam satu interviu di Shah Alam.

Kini setelah tiga tahun menjadi Menteri Besar, jadualnya semakin sibuk. Ketika ditanya mengenai perubahan dirinya yang kini berjambang, Dr. Mohamad Khir spontan menjawab, "Masa semakin sibuk, bercukur pun tak sempat. Dulu, saya bercukur setiap hari." Beliau masih kelihatan segar dan bergaya walaupun mengakui sudah empat hari tidak cukup tidur kerana terpaksa terlibat dengan lawatan-iawatan dan

mesyuarat.

Kesibukan, komitmen tinggi yang ditunjukkan dan jadual tugas yang semakin ketat dan mencabar dalam memastikan pembangunan Selangor menuju negeri maju menjelang 2005 dapat disempurnakan, Dr. Mohamad Khir tidak terlepas daripada khabar negatif sama ada yang menyentuh soal peribadi mahu pun cara tindakannya. Antara yang diperkatakan ialah langkah beliau turut turun padang membanteras aktiviti-aktiviti tidak bermoral.

"Saya sudah menjangkakan macam-macam perkara akan diperkatakan. Saya turun padang bukan untuk mencari publisiti murahan tetapi untuk memberi sokongan kepada pegawai-pegawai saya agar tidak takut untuk mengambil tindakan ke atas pihak-pihak tertentu. Saya menganggapnya sebagai tanggungjawab saya sebagai pemimpin dan sebagai pemimpin kita kena buat dua perkara iaitu amar makruf dan nahi mungkar. Saya mungkin dikatakan terlalu tegas dalam membanteras pelacuran, pusat hiburan tidak berlesen dan sebagainya di Selangor, tetapi ia dibuat atas pertimbangan.

"Saya ingin tegaskan bahawa di Selangor kita mengambil tindakan setelah mengambil kira keperluan kaum-kaum lain, tetapi ada pihak yang tidak suka dengan apa yang kami lakukan. Apabila tindakan diambil, terdapat halangan-halangnya. Pada awalnya saya merasakan segala-gala mudah untuk dilakukan tetapi selepas dua tahun, ia agak sukar untuk dilakukan berdasarkan undang-undang yang ada."

Kata beliau, kesukaran membanteras gejala tidak bermoral di Selangor merupakan cabaran yang terpaksa ditanggung oleh pegawai-pegawainya. "Yang paling penting ialah kesungguhan, keikhlasan dan kejujuran dalam melakukan tindakan. Apa yang kami pertingkatkan ialah masa depan. Saya ingin membina masyarakat yang bersih dari-

pada segala gejala tidak sihat," tegas beliau.

Dr. Mohamad Khir tidak pernah menganggap kritikan dan cerita-cerita negatif sebagai halangan untuk beliau menyempurnakan tugas dan tanggungjawab terutama dalam memastikan pembangunan golongan belia di Selangor. Beliau menganggap belia sebagai tonggak pembangunan negeri itu pada masa depan. "Saya mungkin dipilih secara mengejut tetapi saya sendiri adalah hasil daripada sistem kerajaan kita yang mempunyai perancangan cukup baik untuk memastikan golongan belia dapat memacu negara bila mereka diperlukan. Asas untuk pembangunan belia sudah lama diwujudkan oleh kerajaan melalui perancangan yang cukup menyeluruh, dari segi dasar pendidikan sehinggalah kepada dasar-dasar pertumbuhan sedia ada."

Menurutnya, beliau tidak setuju jika ada pihak yang beranggapan belia hari ini mulai cenderung kepada aliran pemikiran politik pembangkang. Sebaliknya beliau menganggap golongan belia adalah golongan yang penuh dengan idealisme. "Belia selalunya memikirkan apa yang terbaik tanpa melihat kepada realiti yang dihadapi. Perkara ini banyak berlaku di kalangan pelajar yang sememangnya suka memberontak," tambah beliau.

Di Selangor, menurut Dr. Mohamad Khir, minat belia mula dilihat ke arah menyokong kerajaan. Dalam tempoh setahun lalu, Selangor berjaya membawa seramai 42,000 anak muda menyertai UMNO. Dan dalam tempoh dua bulan kebelakangan ini Pergerakan Pemuda dan Puteri berjaya membawa seramai 12,000 orang menjadi ahli pergerakan mereka. "Saya lihat mereka cukup menyokong usaha kerajaan membanteras gejala sosial tetapi jangan sampai kita mengambil sesuatu tindakan itu dengan cara emosi atau tidak boleh berkompromi. Kalau kita gagal membina